

Iktiraf sumbangan kumpulan sasaran

Program Bulan Kebajikan Negara 2017 inisiatif julung kali KPWKM

ASYRAF MUHAMMAD
FOTO: ROSLI TALIB

BANGI - Bulan Kebajikan Negara 2017 merupakan inisiatif julung kali dilaksanakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangan kumpulan sasaran di samping memberi perkhidmatan secara terus kepada masyarakat.

Memilih tema 'Memperkuhuk Inklusiviti Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat', penganjuran Program Bulan Kebajikan Negara 2017 ini merupakan rentetan kejayaan penganjuran Hari Terbuka Kebajikan yang dilaksana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun lalu.

Difahamkan, KPWKM memutuskan agar sambutan khusus dianjurkan buat golongan sasaran terdiri daripada OKU, kanak-kanak dan warga emas secara serentak dalam satu bulan melalui program Bulan Kebajikan Negara 2017 ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, penganjuran Bulan Kebajikan Negara 2017 selaras pendekatan inklusiviti di mana semua masyarakat tidak akan dipinggirkan malah ia merupakan komitmen kerajaan berteraskan Rancangan Malaysia ke 11 (RMK11) dan Sustainable Development Goal (SDG) atau Agenda 2020.

"Program ini diharap dapat beri rangsangan kepada kumpulan sasaran untuk memperkasakan jati diri bagi tujuan pembangunan modal insan yang mampan dalam kapasiti menyeluruh melibatkan agensi kerajaan, swasta dan NGO.

"Program ini juga akan menjadi acara tahunan bagi mengiktiraf amalan dan penyampaian perkhidmatan kebajikan kepada masyarakat," katanya.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Rohani memaklumkan Majlis Prapelanaran Program Bulan Kebajikan Negara 2017 telah diadakan di Dewan Pa' Musa, Beaufort Sabah pada 10 September lalu.

Selepas penganjuran majlis prapelanaran tersebut, Rohani berkata, setiap negeri turut mengadakan sambutan Bulan Kebajikan 2017 di peringkat negeri masing-masing dengan mengadakan pelbagai aktiviti dan program buat masyarakat.

"Selain itu, sambutan ini juga merupakan platform untuk jalin kerjasama multisektoral selaras pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) melalui penggabungan tenaga dan penyertaan pelbagai pihak," katanya.

Dalam pada itu, Rohani berkata, sukarelawan kebajikan turut dilibatkan program Home Help Service dan Seminar Sukarelawan Kebangsaan yang dianjurkan bersempena Bulan Kebajikan Negara 2017 ini.

Di samping itu, sukarelawan turut didedahkan tentang matlamat kerajaan dalam melaksanakan Transformasi Pentadbiran dan Transformasi Ekonomi.

"Acara kemuncak bagi Program Bulan Kebajikan Negara 2017 ialah penyampaian 23 anugerah bagi menghargai pencapaian dan sumbangan kumpulan sasaran mengikut bidang dikenal pasti.

"Penglibatan sukarelawan ini diharap dapat membantu kerajaan bagi menyebarkan luas dan merakyatkan perkhidmatan sosial kepada masyarakat termasuk menyemarakkan semangat kesukarelaan," katanya.

Majlis Perasmian Bulan Kebajikan Negara 2017 dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemuliharaan Bangi dengan turut menyaksikan Rohani.



Ahmad Zahid memakaikan tengkolok kepada Mohamad Farid Iskandar pada majlis perasmian Bulan Kebajikan Negara 2017 diringi ibunya, Murni Hayati Abdul Ghani.

Selain itu, Ahmad Zahid turut melancarkan portal Beautiful Life For Seniors (BLFS) bagi memberi hebah dan perkongsian maklumat kepada warga emas termasuk penyertaan dalam pelbagai aktiviti antaranya kesukarelaan dan kemasyarakatan di bawah NBOS.

Pelancaran portal BLFS tersebut adalah bagi memastikan negara bersedia menghadapi status negara tua menjelang tahun 2030 apabila golongan berumur 60 tahun ke atas mencapai 15 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia.

Terima Anugerah Pingat Hang Tuah

Dalam pada itu, seorang pelajar di Maahad Tahfiz Al-Quran Wartabiyatul Islamiah Baling, Kedah, Mohamad Farid Iskandar Mohd Zulkamain turut dianugerahkan Pingat Hang Tuah atas keberaniannya dalam tragedi kebakaran sekolahnya baru-baru ini.

Tindakan kanak-kanak berusia 12 tahun itu yang sanggup meredah api marak, sehingga berjaya menyelamatkan enam rakannya telah melayakkan pelajar itu menerima penghargaan tersebut.

Menceritakan kembali kejadian itu, Mohamad Farid berkata, kebakaran tersebut berlaku sekitar jam 1.50 pagi pada 6 Ogos lalu selepas dia terlihat kepulan asap dari bilik asrama tingkat tiga bangunan maahad tahfiz berkenaan.

"Saya dengar bunyi bising, dan terjaga dari tidur. Kemudian saya terus mengejutkan kawan-kawan lain dan kami cuba ambil tilam serta gunakan air untuk padamkan api namun ia semakin marak.

"Kami terus keluar, namun seorang rakan saya terjatuh di tangga. Saya patah balik dan pimpin dia untuk cari tempat selamat," katanya.

Ekoran keberaniannya, Mohamad Farid menerima trofi, sijil dan wang tunai RM5,000 yang disampaikan Ahmad Zahid.

REAKSI

Syukur saya dapat anugerah ini. Bukan mudah untuk jaga anak-anak istimewa dan hanya ALLAH sahaja yang tahu betapa susahnya seorang ibu tunggal nak menjaga empat anak OKU."



- Penerima Anugerah Ibu Bapa Mithali OKU, Mariam@ Maryam A Kadir

Alhamdulillah kerana KPWKM mengiktiraf perjuangan saya dalam mengangakat martabat golongan OKU di Malaysia dalam pelbagai bidang dan lapangan. Pengiktirafan ini akan beri peluang pada OKU lain untuk berjaya dalam bidang akademik."



- Penerima Anugerah Khas OKU (Akademik), Dr Muhamad Muzammil Mohamad Noor



Ahmad Zahid membuat gimik perasmian Bulan Kebajikan Negara 2017.